



JABATAN PERTANIAN  
(Department of Agriculture)  
BAHAGIAN PERLINDUNGAN TANAMAN & KUARANTIN  
TUMBUHAN  
(Plant Protection & Quarantine Division)  
TINGKAT 1 - 3, WISMA TANI  
JALAN SULTAN SALAHUDDIN, 50632 KUALA LUMPUR  
Telefon: 03-20301400 Fax: 03-26913550 / 03-26913530



Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : JP PTK 207/KIE/350/A (90)  
Tarikh : 1 April 2013

Kepada sesiapa yang berkenaan,

Tuan / Puan,

**PENETAPAN SYARAT BARU BAGI PENGIMPORAN TANAMAN, BAHAN TANAMAN DAN PRODUK TANAMAN DARI NEGARA-NEGARA BERISIKO TINGGI (TROIKA AMERIKA DAN AFRIKA TENGAH).**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bahagian Perlindungan Tanaman Dan Kuarantin Tumbuhan Jabatan Pertanian telah mengemaskini syarat-syarat bagi pengimportan tanaman, bahan tanaman dan produk tanaman dari negara-negara berisiko tinggi (Amerika Tropik dan Afrika Tengah) yang didapati bercanggah dengan Akta Kuarantin Tumbuhan 1976. Dimaklumkan pengimportan bahan-bahan tersebut dari negara berkenaan juga tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981 Perkara 4 (2) yang mana ianya hanya dibenarkan untuk tujuan penyelidikan sahaja. Namun begitu, pengimportan secara komersial produk-produk tersebut telah dibenarkan oleh Jabatan Pertanian secara *administrative* kerana mengambilkira keperluan industri di dalam negara.

3. Penguatkuasaan syarat import ini adalah berikutan dari penyemakmuran semula kelulusan pengimportan bahan dan produk pertanian tersebut, bagi tujuan penyelarasan dengan perjanjian di dalam konvensyen 'Asia and Pacific Plant Protection Commission (APPPC)' di bawah Article IV dan Appendix B mengenai pengimportan tumbuhan dan produk tanaman spesies *Hevea* dan selain spesies *Hevea* yang menyatakan larangan pengimportannya dari negara-negara Tropika Amerika (negara-negara endemik SALB) ke negara-negara di rantau Asia Pasific.

4. Penyemakmuran ini juga adalah bertujuan bagi mencegah kemasukan dan kemerebakan perosak/penyakit tanaman asing yang berisiko tinggi dibawa bersama semasa aktiviti pengimportan, yang mana ianya boleh menjejaskan industri pertanian negara terutama getah dan kelapa sawit yang bernilai lebih 70 bilion setahun.



Harap sebutkan bilangan surat kami apabila menjawab

5. Bagi tujuan tersebut, pengimportan tanaman, bahan tanaman dan produk tanaman dari negara-negara berisiko tinggi ini, perlu mematuhi syarat baru yang telah ditetapkan berkuatkuasa 25 Mac - 25 September 2013. Dalam tempoh tersebut kajian semula secara terperinci mengenainya akan dilaksanakan dan keputusan mempertimbangkan kebenaran import produk dari negara-negara berisiko tinggi ini akan dibuat oleh pihak Jabatan.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

  
**(YUSOF OTHMAN)**

Timbalan Pengarah,

Bahagian Perlindungan Tanaman Dan Kuarantin Tumbuhan, Jabatan Pertanian.

b/p. Ketua Pengarah Pertanian.

- s.k. 1. Ketua Pengarah Pertanian  
2. Pengarah, Bahagian Perlindungan Tanaman Dan Kuarantin Tumbuhan  
3. Ketua Pengarah, Jabatan MAQIS